



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin


Umat Islam menyambut kedatangan tahun baru 1438 Hijrah. Tahun baru Islam adalah penggantian tahun dalam Islam yang dikira berdasarkan kitaran bulan dan ia mula dikira sejak penghijrahan Rasulullah SAW dari kota Makkah ke kota Madinah.

Walaupun hijrah Rasulullah SAW berlaku pada Rabiulawal, bulan pertama dalam takwim Hijrah adalah bermula setiap 1 Muharam.

Penetapan tahun baru Islam ini dimulai pada zaman pemerintahan khalifah kedua Sayidina Umar al-Khattab RA.

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan sahabat RA banyak memberi makna dan pengajaran kepada umat Islam pada hari ini.

Tafsiran hijrah bukan sekadar bermaksud penghijrahan dari satu tempat ke tempat lain secara fizikal, bahkan definisi hijrah lebih kepada penghijrahan rohani daripada kurang baik kepada lebih baik.



MADINAH sentiasa dikunjungi umat Islam dari seluruh dunia.

Sebagaimana kebanyakan fuqaha menafsirkan hijrah itu sebagai ‘keluar daripada kekufturan menuju Islam’.

Rasulullah SAW bersabda mafhumnya: Tiada lagi hijrah selepas pembukaan kota Makkah, tetapi (yang tinggal hanyalah) jihad dan niat. Oleh itu, jika kalian diminta keluar berjihad, maka keluarlah.” (Riwayat al-Bukhari)

Justeru, berdasarkan

hadis berkenaan, bagaimanakah semangat hijrah harus kita persembahkan dalam kehidupan kita pada hari ini? Adakah dengan sekadar bercuti pada setiap 1 Muharam? Jawapannya sudah tertera di hujung hadis berkenaan.

Hendaklah ke atas setiap Muslim untuk berjihad dalam erti kata menggerakkan seluruh tenaga dalam mempertahankan serta

menyebarluaskan agama rahmat ini.

Ada banyak peristiwa semasa dan hasil penghijrahan Rasulullah SAW dan sahabat RA yang boleh diambil pengajaran buat masyarakat kita pada hari ini.

Pengumuman tawaran 100 unta bagi sesiapa yang dapat menangkap Nabi sama ada dalam keadaaan hidup atau sebaliknya serta peristiwa seorang penunggang kuda perkasa

yang tertarik dengan tawaran itu serta nekad untuk menangkap Nabi patut memberi pengajaran bagaimana sikap dan cara kita berdepan dengan sebarang isu.

Tindakan dan strategi dijalankan mestilah pada akhirnya memberikan impak yang baik kepada imej dan usaha dakwah Islamiah.

Sebarang tindakan diambil tidak harus terlalu melulu dan mestilah

berdasarkan kepada akhlak Islam.

Dua lagi peristiwa penting hasil daripada penghijrahan ini adalah penyatuan antara dua kaum asal Madinah iaitu Aus dan Khazraj serta persaudaraan antara Muhibbin (orang yang berhijrah) dan Ansar (orang tempatan Madinah) haruslah difahami dan dihayati agar pertelingkahan antara kita berkurangan.

Jurang perbezaan boleh menjadi semakin kecil jika kita mampu mengambil contoh bagaimana golongan Ansar bertolak ansur serta golongan Muhibbin membalsas budi.

Dalam konteks kita sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum, marilah kita mengambil semangat kaum Aus dan Khazraj dalam kita meningkatkan persefahaman antara Muslim dan bukan Muslim.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**